# Syarat dan Prosedur
# Program Lintas Bitara Doktor Falsafah
# Universiti Pendidikan Sultan Idris

# 1. SYARAT DAN PROSEDUR PROGRAM LINTAS BITARA DOKTOR FALSAFAH UPSI

1.1 Syarat dan prosedur program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI adalah seperti berikut:

| Peringkat | Syarat |
|---|---|
| **Permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI**<br><br>- Calon hanya dibenarkan untuk menghantar permohonan sekiranya telah memenuhi ketiga-tiga syarat yang telah ditetapkan seperti berikut :<br><br>i. Mod Pengajian<br>ii. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)<br>iii. Penerbitan | **Mod Pengajian**<br><br>Pelajar sarjana mod penyelidikan dan sepenuh masa.<br><br>**Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)**<br><br>Siswazah Sarjana Muda Kelas Pertama dengan PNGK **sekurang-kurangnya 3.70** dalam bidang berkaitan daripada Universiti tempatan atau antarabangsa yang diiktiraf Senat UPSI.<br><br>**Penerbitan**<br><br>Satu (1) artikel jurnal berindeks Scopus sahaja yang diterima untuk syarat Penerbitan. |
| **Kelulusan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI**<br><br>- Selepas permohonan diperaku, calon perlu lulus sesi pembentangan dan penilaian cadangan penyelidikan tahap Doktor Falsafah. | **Cadangan Penyelidikan Doktor Falsafah**<br><br>Calon lulus dalam pembentangan dan penilaian cadangan penyelidikan tahap Doktor Falsafah dalam semester 2 pengajian. |

1.2 Pelaksanaan struktur yuran Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI

**Struktur Yuran**

Simulasi Yuran bagi Sains dan Teknikal

| Semester | Jenis Fee | Jumlah |
|---|---|---|
| Semester 1 – Sarjana Semester 1 | Yuran Pendaftaran<br><br>Yuran Pengajian | RM460.00<br><br>RM1921.60 |
| Semester 2 – Sarjana Semester 2 | Yuran Pengajian | RM1921.60 |
| Semester 3 – Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 1 | Yuran Pengajian | RM3,310.00 |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

| Struktur Yuran | | |
|---|---|---|
| Semester 4 - Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 2 | Yuran Pengajian | RM3,310.00 |
| Semester 5 - Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 3 | Yuran Pengajian | RM3,310.00 |
| Semester 6 - Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 4 | Yuran Pengajian | RM3,310.00 |
| Semester 7 – Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 5 | Yuran Pengajian | RM515.00 |
| Semester 8 – Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 6 | Yuran Pengajian | RM515.00 |
| 7 th subsequent semester | Yuran Pentadbiran | RM915.00 |
| Yuran Pemeriksaan Tesis | | RM1900.00 |
| Yuran Pemeriksanaa Semula Tesis | | RM1900.00 |

## 2. PROSEDUR PROGRAM LINTAS BITARA DOKTOR FALSAFAH UPSI

2.1 Bagi memastikan prosedur program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI sentiasa ditambah baik seiring dengan pelaksanaan semasa, berikut adalah prosedur seperti yang telah diluluskan:

| Takwim pengajian | Tindakan calon pelajar/fakulti | Tindakan IPS | Dokumen |
|---|---|---|---|
| **Semester 1** | | | |
| Sebelum semester bermula | Pelajar mendaftar sebagai **pelajar sarjana mod penyelidikan** dan **sepenuh masa.** | | |
| Sepanjang pengajian semester pertama | Pelajar mengikuti pengajian berdasarkan takwim dan struktur pengajian yang telah ditetapkan.<br><br>Pelajar memenuhi syarat keperluan **penerbitan** Lintas Bitara. | | Takwim Akademik Pengajian Siswazah |
| **Takwim pengajian** | **Tindakan calon pelajar/fakulti** | **Tindakan IPS** | **Dokumen** |
| **Semester 2** | | | |
| Selewat-lewatnya pada minggu ke-3 | Calon pelajar mengemukakan permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI kepada IPS dengan pengesahan daripada fakulti selepas memenuhi syarat-syarat berikut : | IPS memberi makluman penerimaan permohonan kepada pelajar dan fakulti. | 1. Borang Permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI<br><br>2. Lampiran bukti untuk syarat yang telah dipenuhi. |

| | Syarat Permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI | | |
|---|---|---|---|
| | **Mod pengajian**<br><br>i. Calon merupakan pelajar sarjana mod penyelidikan; dan<br>ii. Calon merupakan pelajar sepenuh masa. | | |
| | **Calon mestilah terdiri daripada:**<br><br>Siswazah Sarjana Muda Kelas Pertama dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.70 dalam bidang berkaitan daripada Universiti tempatan atau antarabangsa yang diiktiraf Senat UPSI; | | |
| | **Penerbitan**<br><br>Satu (1) artikel jurnal berindeks Scopus sahaja yang diterima untuk syarat Penerbitan. | | |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
ونيۏرسيتي ڤنديديقن سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selewat-lewatnya pada minggu ke-5 | | Memberikan maklum balas kelulusan permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI kepada calon pelajar dan fakulti. | Surat Kelulusan Permohonan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI. |
| Selewat-lewatnya pada minggu ke-10 | Dalam tempoh satu (1) semester pengajian dari tempoh percubaan satu (1) tahun Program Lintas Bitara, Fakulti perlu menguruskan pembentangan cadangan penyelidikan (kali pertama) pelajar bagi program sarjana.<br>i. Jawatankuasa yang terlibat adalah sama dengan Jawatankuasa pembentangan cadangan penyelidikan pelajar sedia ada.<br><br>Keputusan hasil pembentangan (diperakukan untuk pembentangan kali kedua) perlu dihantar ke IPS untuk tujuan pengemaskinian rekod. Sekiranya keputusan hasil pembentangan tidak diperakukan untuk pembentangan kali kedua, pelajar akan dikeluarkan daripada program Lintas Bitara dan meneruskan pengajian pada tahap Ijazah Sarjana. | Menerima laporan pembentangan dan penilaian calon pelajar daripada fakulti.<br><br>Menyediakan kertas cadangan perakuan naik taraf program pengajian Doktor Falsafah calon pelajar untuk dibentang dan diperaku dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS). | 1. Laporan pembentangan dan penilaian cadangan penyelidikan Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Fakulti melaksanakan sesi pembentangan dan penilaian cadangan penyelidikan tahap Doktor Falsafah calon pelajar.<br><br>Jawatankuasa pembentangan dan penilaian cadangan penyelidikan calon pelajar terdiri daripada :<br><br>i. Pengerusi (kakitangan akademik fakulti)<br>ii. Dekan Fakulti atau wakil.<br>iii. Dua (2) ahli daripada kalangan pakar bidang (seorang kakitangan akademik dalam jabatan/fakulti dan seorang kakitangan akademik dari luar jabatan/fakulti/UPSI)<br>iv. Penyelia (tidak terlibat dalam membuat keputusan)<br>*Pelantikan jawatankuasa perlu disahkan di JPSF<br><br>Keputusan sesi pembentangan dan penilaian perlu disahkan oleh Dekan/Timbalan Dekan Fakulti sebelum dimaklumkan kepada pihak IPS untuk perakuan naik taraf ke program pengajian Doktor Falsafah. | | |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

*Diperakukan dalam Mesyuarat JPS Kali Ke-226 Bil.7/2025 bertarikh 24 Julai 2025*
*Diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-248 Bil.8/2025 bertarikh 05 Ogos 2025*

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Pelajar yang tidak diperaku untuk dinaik taraf ke program Doktor Falsafah akan kekal di dalam program pengajian Sarjana. | | |
| Minggu 10-14 | | Membentangkan Kertas Cadangan Naik Taraf bagi Calon Pelajar Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI di Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) untuk perakuan; dan<br><br>Mengangkat Kertas Cadangan Naik Taraf Doktor Falsafah bagi calon pelajar Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI di Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) yang diluluskan ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan.<br><br>Mengeluarkan surat naik taraf status pengajian pelajar ke Program Doktor Falsafah.<br>Menjana nombor matrik baharu pelajar. | 1. Kertas Cadangan Naik Taraf Doktor Falsafah bagi calon pelajar Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI.<br><br>2. Surat Naik Taraf Status Pengajian Pelajar ke Program Doktor Falsafah. |

<table>
<tr><th>Takwim pengajian</th><th>Tindakan calon pelajar/fakulti</th><th>Tindakan IPS</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><th colspan="4">Semester 3</th></tr>
<tr>
<td>Minggu 1- 4</td>
<td>Pelajar menjalani pengajian dan melaksanakan penyelidikan berdasarkan takwim dan struktur pengajian yang telah ditetapkan.<br><br>Pelajar mengisi LKPS-LB pada akhir semester 3 pengajian.</td>
<td>Membuat pelarasan yuran pengajian pelajar bagi program peringkat Kedoktoran seperti berikut:
<table>
<tr><th>Semester</th><th>Jenis Yuran</th></tr>
<tr><td>Semester 1 – Yuran Sarjana Semester 1</td><td>i. Yuran Pendaftaran<br><br>ii. Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 2 – Yuran Sarjana Semester 2</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 3 – Yuran Kedoktoran Semester 1</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 4 - Yuran Kedoktoran Semester 2</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 5 - Yuran Kedoktoran Semester 3</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 6 - Yuran Kedoktoran Semester 4</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
</table>
</td>
<td>Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah Lintas Bitara (LKPS-LB)</td>
</tr>
</table>

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

<table>
<tr><td>Minggu 5-14</td><td></td><td>
<table>
<tr><td colspan="2">[redacted]</td></tr>
<tr><td>Semester 7- Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 5</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>Semester 8 - Yuran Pengajian Kedoktoran Semester 6</td><td>Yuran Pengajian</td></tr>
<tr><td>7th & subsequent Semester</td><td>Yuran Pentadbiran</td></tr>
<tr><td colspan="2">[redacted]</td></tr>
<tr><td>Yuran Pemeriksaan Tesis</td><td></td></tr>
<tr><td>Yuran Pemeriksaan Semula Tesis</td><td></td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
<tr><th>Takwim pengajian</th><th>Tindakan calon pelajar/fakulti</th><th>Tindakan IPS</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><th colspan="4">Semester 4-6</th></tr>
<tr><td>Minggu 1 -14</td><td>Pelajar menjalani pengajian berdasarkan Pelan Pengajian GOT (Graduate on Time) Doktor Falsafah.<br><br>Pelajar mengisi LKPS-LB pada akhir semester 4, 5 dan 6 pengajian.</td><td></td><td>Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah Lintas Bitara (LKPS-LB)</td></tr>
</table>

3. Calon pelajar hanya dibenarkan membuat **permohonan** mengikuti Program Lintas Bitara **selewat-lewatnya pada minggu ke-3 dalam semester kedua pengajian** memandangkan pelajar perlu **lulus pembentangan cadangan penyelidikan selewat-lewatnya pada minggu ke-10** pengajian semester kedua pelajar.

4. **Minggu ke-10 hingga ke-14** adalah tempoh di mana IPS akan menguruskan perakuan dan kelulusan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) dan Mesyuarat Senat sebelum pelajar dapat memulakan semester ketiga dengan status pelajar program Doktor Falsafah.

5. Pelajar Program Lintas Bitara Doktor Falsafah UPSI disarankan untuk menghabiskan pengajian dalam tempoh atau *Graduate on Time* bagi **merealisasikan kecemerlangan** yang telah ditunjukkan sepanjang tempoh permohonan naik taraf ke pengajian Doktor Falsafah.

6. Pelajar juga **tidak akan dianugerahkan** dengan kelayakan Sarjana sebagai 'exit award' sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap pengajian Doktor Falsafah.

**Rujukan:**

1. **Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2021: MQA.100-1/7/1 Jld. 3 (14) bertarikh 24 Mac 2021 - Penggunaan Edisi Terkini Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.**
2. **Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2019: MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (21) bertarikh 17 Julai 2019 - Penambahbaikan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran.**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY